


Bil: Bil. 27. dlm. JK/MA 38  
Jilid .3  
Tarikh: 23hb March 1989

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi,  
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya



ARAHAN AMALAN NO.2 TAHUN 1989

Per: Perintah Persetujuan yang dibuat di bawah  
Perintah 32 Kaedah 16 Kaedah-Kaedah  
Mahkamah Tinggi 1980

1. Di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah di atas, jika seorang Hakim berpuas hati bahawa semua pihak dalam sesuatu permohonan di dalam Kamar telah disampaikan dan telah bersetuju dengan permohonan itu, maka beliau boleh, dengan ketiadaan pihak-pihak itu atau peguamcara mereka, memerintahkan pemberian permohonan itu dengan membuat minit pada fail dan Mahkamah hendaklah memberitahu pemohon atau peguamcaranya secara bertulis akan perintah itu.

2. Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya menitikberatkan kepada penjimatan masa dan perbelanjaan tertentu yang akan diperolehi melalui perjalanan kuasa-kuasa di bawah peruntukan yang tersebut di atas, yang pada amnya tidak pernah dihargai dan digunakan oleh pengamal-pengamal undang-undang dan hakim-hakim hingga mengakibatkan banyak masa telah terbuang oleh pihak-pihak atau peguamcara mereka yang menghadiri permohonan di dalam Kamar yang tidak dibantah.

3. Oleh yang demikian, Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya telah mengarankan bahawa mulai dari tarikh ini, dengan tujuan menjimatkan masa dan kos, tetapi tertakluk kepada keperluan-keperluan yang disebutkan kemudian daripada ini, sesuatu pihak boleh memohon melalui pos kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan perintah persetujuan dibuat oleh Hakim dan bagi mendapatkan perintah itu disediakan.

4. Surat permohonan hendaklah disertai dengan:


(a) saman yang menerangkan dengan lengkap dan tepat akan terma-terma yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak berkenaan;

(b) persetujuan bertulis oleh pihak-pihak berkenaan atau peguamcara mereka; persetujuan bertulis itu hendaklah ditandatangani dan dituliskan tarikh dan hendaklah menyatakan dengan jelas bahawa setiap pihak bersetuju dengan terma-terma yang telah dipersetujui sebagaimana yang diterangkan dalam saman;

(c) suatu salinan perintah yang dicadangkan berserta penduanya yang diengros yang menerangkan dengan lengkap dan tepat terma-terma perintah yang dipersetujui itu jika adalan juga dikehendaki supaya perintah persetujuan disediakan dan dikeluarkan.

5. Jika dokumen-dokumen yang dikehendaki itu adalah teratur dan mengikut bentuk yang sepatutnya, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengemukakan perintah persetujuan yang dicadangkan itu kepada Hakim untuk pertimbangannya, yang jika beliau fikirkan patut, beliau akan membuat perintah yang sewajarnya.

5. Sekiranya hakim membuat perintah persetujuan, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, mengambil tindakan yang perlu supaya perintah itu diluluskan dan disediakan dengan sepatutnya. Apabila perintah itu dikeluarkan, Penolong Kanan Pendaftar akan mengembalikan salinan pendanya melalui pos kepada pihak yang membuat permohonan itu tetapi akan menyimpan perintah asal yang dibuat oleh Hakim untuk difailkan.

  
( DATO' MUHTAR BIN ABDULLAH )  
Ketua Pendaftar

S.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Mahkamah Agung Malaysia.
2. Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
3. Y.A.A. Hakim Besar Borneo
4. Y.B. Peguam Negara Malaysia

...4/-

5. Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya
6. Semua Hakim Mahkamah Sesyen, Malaysia Barat
7. Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang negeri
8. Pengerusi, Majlis Peguam, Malaysia Barat
9. Semua Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri
10. Pengarang Urusan, Malayan Law Journal  
3, Shenton Way #14-03, Shenton House,  
Singapore 0106
11. Pengarang Urusan, Current Law Journal  
Lot 223, Tingkat 2, Kompleks Antarabangsa  
50250 Kuala Lumpur

JABATAN KEHAKIMAN  
MAHKAMAH TINGGI  
BANGUNAN SULTAN ABUUL SAMAD  
JALAN RAJA  
50050 KUALA LUMPUR

dil: sil.27.dlm.JK/MA 38

Tarikh: 23hb March 1989

The Hon'ble High Court Judges  
High Court Malaya

All Senior Assistant Registrars,  
High Court Malaya

PRACTICE DIRECTION NO.2 OF 1989

Re: Consent Order under Order 32 rule 16 of the Rules  
of the High Court 1980

1. Under the above provision of the Rules a Judge if satisfied that all parties to an application in Chambers have been served and have consented to the application may in the absence of the parties or their solicitors order the granting of the application by minute on the file in which case the Court shall inform the applicant or his solicitor in writing of the order.

2. The Hon'ble the Chief Justice Malaya is concerned that the definite saving of time and expense that the exercise of the powers under the above provision offers has not generally been appreciated and taken advantage of by practitioners and judges with the result that much time is wasted by the parties or their solicitors attending in uncontested Chamber applications.

...2/-

3. The Hon'ble the Chief Justice Malaya has accordingly directed that henceforth, with the view to saving time and costs but subject to the requirements hereinafter mentioned, a party may apply to the Registry of the High Court by post for a consent order to be made by the Judge and for such order to be drawn up.

4. The letter of application shall be accompanied by:

(a) the Summons setting out fully and with sufficient precision the terms agreed upon by the parties concerned;

(b) the written consent of the parties concerned or their Solicitors; the same to be signed and dated and expressly stating that each party consents to the terms agreed as set out in the Summons;

(c) if it is also desired that the Consent Order should be drawn up and extracted, an engrossed copy of the proposed order in duplicate stating fully and with sufficient precision the terms of the agreed order.

5. If the requisite documents are in proper form and order, the Senior Assistant Registrar shall place the proposed consent order before the Judge for his consideration, who if he thinks fit will make the order accordingly.

6. If the Judge makes the Consent Order, the Senior Assistant Registrar shall, as soon as may be practicable, take necessary action for the order to be duly passed and drawn up. Upon extraction of the order, the Senior Assistant Registrar will return the duplicate copy thereof by post to the party making the application but will retain the original order made by the Judge for filing.



( DATU' MONTAR BIN ABDULLAH )  
Chief Registrar

c.c.

1. The Hon'ble Lord President, Supreme Court Malaysia
2. The Hon'ble Chief Justice, Malaya
3. The Hon'ble Chief Justice, Borneo
4. The Hon'ble Attorney General, Malaysia
5. Registrar, High Court, Malaya
6. All Sessions Court Judges, West Malaysia
7. All Hon'ble State Legal Advisers
8. Chairman of Bar Council, West Malaysia
9. All Chairmen of State Bar Committees
10. Managing Editor, Malayan Law Journal  
3, Shenton Way #14-03, Shenton House,  
Singapore 0100
11. Managing Editor, Current Law Journal  
Lot 223, 2nd Floor, Kompleks Antarabangsa  
50250 Kuala Lumpur